

21 DEC 2001

Mahathir-Rakyat

PM MINTA RAKYAT KEKALKAN PERSAHABATAN DEMI KEAMANAN DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 21 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat pelbagai kaum di negara ini hendaklah terus mengekalkan persahabatan antara kaum dan sesama kaum masing-masing bagi mewujudkan keamanan di Malaysia.

Perdana Menteri berkata persahabatan akan mewujudkan keamanan yang boleh membawa banyak keuntungan kepada semua rakyat Malaysia.

"Semua rakyat Malaysia daripada semua kaum adalah satu keluarga dan kita harus merapatkan hubungan sebagai satu keluarga Malaysia.

"Kalau kita dapat rapatkan hubungan, tentulah kita akan menjadi lebih aman dan lebih bahagia," katanya semasa berucap pada majlis sambutan perayaan Dong Zhi di Stadium Putra Bukit Jalil di sini, malam ini.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia juga harus bersyukur dan berterima kasih kerana nasib baik yang dinikmati di negara ini.

Beliau berkata Malaysia sebenarnya sebuah negara yang unik yang berbeza dari negara-negara lain kerana penduduknya yang berbilang kaum, agama dan bangsa dapat hidup dengan harmoni, rukun damai serta saling menghormati antara satu sama lain.

Dr Mahathir berkata di Malaysia, rakyatnya memperlihatkan sesuatu yang istimewa kerana adanya pelbagai perayaan mengikut kepercayaan dan amalan agama masing-masing.

Beliau berkata umat Islam baru selesai menunaikan ibadat puasa Ramadan dan sedang merayakan Aidilfitri yang turut disertai orang bukan Islam.

"Saya amat gembira kerana pada satu majlis berbuka puasa di rumah saya beberapa pemimpin agama lain...Buddha, Hindu dan Kristian turut hadir berbuka puasa bersama-sama," katanya.

Dengan cara itu, penganut agama lain dapat melihat orang Islam mengamalkan ajaran Islam dan menjalankan ibadat manakala pada hari ini, orang Islam pula berpeluang melihat masyarakat Cina merayakan perayaan Dong Zhi.

Dong Zhi merupakan perayaan masyarakat Cina sempena menyambut permulaan musim dingin. Dong Zhi pada kebiasaannya jatuh pada hari ke-22 pada bulan ke-12 setiap tahun.

Perayaan Dong Zhi diadakan bagi membolehkan semua anggota keluarga berkumpul, bermesra dan melakukan upacara mengenang budi nenek-moyang serta bersyukur kepada tuhan sambil menikmati manisan yang dinamakan "Tang Yuan", iaitu sejenis kuih seperti onde-onde tetapi tidak berinti.

Perdana Menteri berkata dengan bersama-sama merayakan hari kebesaran penganut agama lain, rakyat Malaysia dapat memahami agama lain serta saling menghormatinya.

"Apabila kita faham sesuatu (agama lain), maka perasaan curiga, takut dan sangsi akan hilang kerana kita tahu apa yang dilakukan oleh penganut agama lain semasa mereka beribadat bukanlah sesuatu yang ganjil.

"Kita belajar memahami satu sama lain dengan memahami festival lain. Inilah Malaysia," kata beliau.

Dr Mahathir berkata pada masa terdekat ini, rakyat Malaysia berpeluang merayakan Aidilfitri, Hari Krismas, Tahun Baru dan Tahun Baru Cina yang membolehkan rakyat merapatkan hubungan sesama mereka.

Beliau berkata pada tahun ini, pelbagai peristiwa dahsyat berlaku termasuk ekonomi dunia merosot dengan teruk sehingga negara maju turut mengalami kemelesetan.

Katanya di Malaysia, walaupun ia turut mengalami kemelesetan ekonomi,

ia tidak sebegitu buruk berbanding dengan negara jiran yang mengalami rusuhan.

"Ini Malaysia, ini negara kita. Bersama-sama kita bina negara ini hingga menjadi maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Marilah kita bersama-sama...anda, saya dan setiap orang daripada kita mesti bekerja kuat untuk membawa Malaysia menjadi negara maju pada masanya dan juga membangunkan diri kita," kata beliau.

Dr Mahathir juga bersyukur dan berterima kasih kerana dapat bersama masyarakat Cina merayakan perayaan Dong Zhi, yang pertama kali diadakan secara besar-besaran di negara ini.

Beliau juga berharap perayaan itu dapat dirayakan setiap tahun walaupun Malaysia tidak mengalami musim sejuk.

Perdana Menteri yakin dengan semangat Dong Zhi, Malaysia akan terus aman dan maju serta rakyatnya menikmati segala kebahagiaan dari negara tercinta.

Kira-kira 20,000 masyarakat Cina menghadiri majlis itu yang turut diserikan dengan pelbagai persembahan termasuk pengenalan budaya dan asal-usul perayaan Dong Zhi, persembahan seni mempertahankan diri Wai Tang Kung, tarian singa dan Gendang 24.

-- BERNAMA

HS FA NAK